

03 MAR 2003

SAMBUTAN HARI KRAF KEBANGSAAN DILANJUTKAN

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Sambutan Hari Kraf Kebangsaan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay, yang bermula 27 Feb lepas dan sepatutnya tamat semalam dilanjutkan sehingga 4 Mac ini.

Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Abdullah Abdul Rahman berkata tempohnya dilanjutkan kerana sambutan orang ramai yang amat menggalakkan dan di luar jangkaan.

Antara aktiviti yang dijalankan di kompleks itu dari pukul 9 pagi hingga 6 petang ialah Bazar Kraf, Demonstrasi dan Interaktif serta Kesenian dan Permainan Rakyat.

Manakala Pameran Produk Baru, Pameran Produk Untuk Pasaran Eksport dan Pameran Produk Institut Kraf Negara dilanjutkan sehingga 1 April 2003, kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sambutan Hari Kraf Kebangsaan itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas.

-- BERNAMA
KHY KHY ROS